

ICON-IMAD KE IV

## PUSAKA DUNIA HIKMAT: ANALISIS TEKS PENGUBATAN MELAYU-ISLAM KLASIK

Oleh:  
Abdullah Yusof\*

### ABSTRAK

*Kertas ini bertujuan memaparkan hasil kajian dan analisis kandungan sebuah teks klasik bertulis jawi berjudul: **Pusaka Dunia Hikmat**. Kitab ini tidaklah diketahui siapa pengarang asalnya namun dicatat penyusunnya ialah Ali Zulfaqar. Beliau juga penyusun atau penulis karya-karya lain seperti Seribu Hikmat, Menjadi Nujum, Garisan Azali, Ramalan Jelatik dan Majmuk Ayat al-Quran. Kitab ini mengandungi 262 pasal dalam 155 halaman. Penerbit kitab ini ialah Sheikh Sulaiman Bakar, beralamat di 83 Ichin Street, Pulau Pinang, Malaya. Penulisan kitab ini dimulai dengan kata penyusun, kata penerbit dan perkara berkaitan sijil ijazah bagi pembaca atau pengamal kitab ini. Sebanyak 262 pasal disusun dalam beberapa tajuk iaitu: 1) Syarat Dan Kaifiat Beramal Dengan Kitab Ini. 2) Melihat Rasulullah 3) Rahsia Selawat 4) Melihat Ke Alam Barzakh 5) Menyimpan Rohani 6) Rahsia Lelaki 7) Rahsia Perempuan 8) Rahsia Lelaki Perempuan 9) Isteri 10) Anak Dara 11) Bersalin 12) Kanak-Kanak 13) Asmara 14) Fharai'ib 15) Hantu Syaitan 16) Perkara Otak 17) Rahsia Senaman 18) Tanam-Tanaman 19) Ternak 20) Rezeki 21) Hutang 22) Penyakit Tubuh Badan 23) Penyakit Kulit 24) Perasaan Terganggu 25) Kesusahan 26) Demam 27) Bersafar 28) Mengasuh Pekerti 29) Bias Binatang Dan Raipan 30) Racun 31) Pemungkam 32) Jampi-Jampi 33) Pertahanan 34) Menolak Kejahatan 35) Sihir 36) Orang Jahat 37) Amaran 38) Rajah Hikmat 1 39) Melangkah 40) Jadual Buruk Baik Pada Ilmu Melangkah 41) Tuah Dan Sial 42) Rampaian 43) Hajat 44) Pusaka Sulaiman. Analisis yang dibuat ke atas kitab ini ialah berkaitan perkara yang selari dengan syariat dan juga yang mengandungi unsur-unsur mistik, khurafat, tahyul dan hal-hal yang boleh membawa syirik dan kekufuran. Kitab ini berada di tangan orang Melayu-Islam lebih setengah abad dan menjadi amalan sebahagian dari pencinta dan pengamal ilmu perubatan Melayu Tradisional dan sebahagiannya menjadi rujukan pelajar dan lepasan pondok bukan sahaja di Malaysia bahkan di Nusantara. Pemilihan kitab ini bukan sahaja menarik disebabkan usianya, namun disebabkan pemilik dan pengamal kandungan kitab ini mengalami hal-hal yang ganjil termasuk penyakit misteri. Pemiliknya mempercayai kitab ini panas dan memiliki khadam. Setelah dilakukan pemulihan dan dipisahkan kitab ini dari pemilik asalnya, maka segala penyakit misteri yang dialaminya telah sembuh. Atas sebab tertentu nama dan maklumat peribadi pemilik kitab ini dirahsiakan. Tercatat pada kitab ini ia selesai dicetak kali keempat pada 2 safar 1381 bersamaan 15 Julai 1961.*

**Key-Words:** Malay Manuscript, Traditional-Islam Medicine, Malay Magic

---

\* Abdullah Yusof, Ph.D, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Emel: [abdy@um.edu.my](mailto:abdy@um.edu.my)

## **Pendahuluan**

Kertas ini akan mengupas beberapa isu utama atau terpilih hasil penelitian ke atas teks perubatan klasik yang terdapat di alam Melayu sejak awal kurun ke 19. Tujuan mengenengahkan isu ini ialah untuk menggambarkan bahawa umat Melayu sejak sekian lama telah terpengaruh dan mengamalkan sebahagian besar apa yang terkandung di dalam kitab-kitab lama tanpa mengesahkan samasa ia mengandungi unsur-unsur yang boleh merosakkan aqidah mahupun tidak. Di antara kitab-kitab tersebut ialah: Pati Rahsia, Cahaya Dunia, Taj al-Muluk, Malay Magic, kitab mujarrabat, kitab tibb Pontianak, warisan perubatan Melayu, perisai ghaib dan kitab tayyibil insan fi tibb al-insan. Untuk pembentangan ini Kitab Pusaka Dunia Hikmat dipilih untuk dianalisis memandangkan kitab ini disusun dengan begitu baik dan rapi menerusi 45 tajuk kesemuanya dalam 262 pasal. Untuk tujuan pembentangan, tidak semua tajuk disentuh secara langsung, memadai beberapa tajuk yang agak kontroversi dan menimbulkan polemik dalam kalangan masyarakat. Sebahagian ahli masyarakat mengamalkan keseluruhan kandungan kitab ini tanpa ragu dan dipercayai mereka tidak merujuk kepada mana-mana guru atau ahli yang mahir tentang ilmu perubatan baik tradisional mahupun Melayu. Natiujahnya banyak penyimpangan berlaku dan akhirnya menimbulkan kesan-kesan buruk kepada pengamal dan pesakit yang menjadi mangsa kejahilan pengamal. Kitab ini diserahkan kepada saya oleh salah seorang mangsa pewarisan. Pewaris tidak memahami dan mematuhi syarat-syarat beramal dengan kitab ini, namun cuba mempraktikkannya secara membuta-tuli dan akhirnya menimbulkan gangguan yang teruk kepada ahli keluarga. Ramai beranggapan bahawa mempercayai sesebuah kitab lama membawa puaka dianggap sebagai tahyul, namun bolehlah saya katakan bahawa “hanya jauhari yang mengenal maknikam”, kalau tidak perbincangan mengenainya tidak akan berkesudahan.

Kitab ini tidaklah boleh dikatakan kesemuanya mengandungi unsur-unsur yang menyimpang dari aqidah dan boleh membawa kekufuran, namun mencampuradukkan antara yang batil dan yang haq menyebabkan para pengamal tidak menyedari hal ini, termasuk yang memiliki pengetahuan Islam yang baik. Untuk itu perbincangan akan difokusnya kepada beberapa tajuk seperti berikut:

### 1) Syarat dan kaifiyat beramal

Penulis menggesa pengamal kitab ini mengamalkan suruhan Allah dan mejauhi sifat-sifat yang buruk disamping membersihkan tubuh badan dan pakaian. Disuruh juga memulakan amalan dengan bacaan 3 kali fatihah untuk disedekahkan kepada Rasulullah dan para awliya' dari kalangan ulama'. Namun demikian penulis mengajarkan agar menulis isim azimat yang terkandung dalam kitab ini dengan kaedah tertentu dan kaifiyyat mengunci azimat serta memakainya setelah diperasap dengan kemenyan, dilipat, dibungkus dengan timah, lilin atau kertas minyak juga pantang-larangnya.

### 2) Melihat Rasulullah

Penulis mengajar cara-cara membolehkan kita melihat Rasulullah dengan amalan dan bacaan tertentu. Antaranya selawat yang disandarkan kepada amalan Imam Syafi`ii , amalan Syeikh Abdul Qadir Jilani, Syed Syeikh Ismail, bacaan tiga surah tertentu dari al-Quran dan amalan pada malam Jumaat. Meskipun pada zahirnya amalan tersebut tidak nampak percanggahan dengan syariat, namun bilangan zikir dan wirid yang disebutkan tidak diberi sandaran.

### 3) Melihat ke Alam Barzakh

Penulis mengajar bahaa seorang boleh bermimpikan seseorang yang telah mati menerusi petua untuk mendapatkan mimpi tersebut termasuk dengan bacaan surah tabaraka (al-Mulk), menggunakan tanah kubur dengan bacaan surah al-Qadr 7 kali dan sebagainya.

### 4) Menyimpan Rohani

Penulis menghuraikan makna rohani iaitu khadam, muakkal atau jin yang boleh disimpan oleh manusia. Terdapat cara untuk memerintahkan rohani khadam agar berkhidmat kepada manusia sampai mati. Namun demikian untuk menyimpan rohani, syaratnya banyak sehingga tidak tetanggung oleh manusia sehingga boleh jadi gila. Terdapat wirid tertentu perlu dibaca sambil menyeru kepada rohani dengan lafaz tertentu. Demikian juga menggunakan rohani atau muakkal untuk melihat benda ghaib

yang harus dibacakan ayat Quran tertentu seperti *Ala ya`lamu man khalaqa wahua llatif al-khabir (al-Mulk)* sebelum tidur.

#### 5) Rahsia lelaki

Kitab ini mengandungi perbincangan yang agak sensitif dan kurang sesuai untuk peringkat bawah umur tertentu. Bagi seseorang yang mengalami masalah senjata sulit yang tidak tajam, tidak dapat melawan atau menembusi kota, diberikan beberapa petua termasuk menggunakan azimat yang kena ditulis dan dipakai di pinggang sebelum bersabung. Juga diberikan kaedah menyediakan ubat untuk kuat, ubat gosok, lemah zakar, memperbanyakkan air mani. Juga bagi isteri yang kuat cemburu, cara mendapatkan air waja, melambatkan turun mani, menutup pasar gelap (agar isteri tak cari zakar lain) dan tangkal bemadu (dipakai oleh pengamal poligami).

#### 6) Rahsia perempuan

Antara petua yang diberikan ialah rahsia menghangatkan senjata sulit dengan mengamalkan beberapa herba dan bahan tertentu untuk diberi minum waktu pagi selama 7 hari. Untuk menempitkan juga diajar dengan menggunakan buah manjakani, juga untuk mewangikan air mani, yang mahukan hamil, juga yang enggan hamil (menggunakan tahi gajah dipakai sebagai tangkal dan jika digunakan darah nifas beranak sulung yang dilumurkan seluruh badan, perempuan itu tidak akan bunting lagi selama-lamanya.

#### 7) Rahsia lelaki-perempuan

Ini melibatkan rahsia kedua-dua suami isteri. Terdapat azimat untuk melazatkan persetubuhan, menggelisah (akan teringat lelaki tersebut biarpun setelah 10 tahun bercerai). Bersetubuh dan memanaskan persetubuhan dengan menulis azimat dan memakainya. Biarpun terdapat doa-doa yang baik namun penggunaan tangkal dan azimat adalah sesuatu yang dilarang dalam Islam berdasarkan hadith sahih.

#### 8) Isteri

Terdapat wirid yang harus dibaca beratus kali di dahi untuk menundukkan isteri, masalah perceraian, mandul, darah haid tersekat, juga menawan hati suami dan membelenggu suami yang miang (hal ini diajar namun penulis menegah mengamalkannya) yang kesemuanya menggunakan ramuan khusus selain menggunakan azimat.

#### 9) Anak Dara

Terdapat isim tertentu yang harus ditulis sebagai azimat agar anak dara diminati dan disunting cepat, termasuk menulis keseluruhan surah al-fajr. Untuk mengenali samada seseorang itu masih anak dara atau tidak juga diajar iaitu dengan menggunakan bawang putih, jarum atau duri berdasarkan berdasarkan deteksi bau.

#### 10) Bersalin

Seluruh bagi perempuan yang susah bersalin dengan menulis ayat al-Quran tertentu pada pingan putih, dilarutkan dan diberi minum, juga menulis wafaq yang diikat pada lengan perempuan hamil agar mudah bersalin. Juga ditulis surat al-Dharyyat dan diletakkan atas perut ketika hendak bersalin. Sekiranya lekat uri atau anak mati dalam perut, ia boleh dikeluarkan dengan menggunakan burung merpati dan minyak lenga (bijan). Bagi yang keguguran diajar agar membaca isim tertentu sebanyak 108 kali. Untuk menggugurkan anak, ditulis wafaq dan digantung dileher. Selain itu terdapat ramalan jantina anak yang lahir. Suami juga boleh membaca ayat tertentu untuk menjarangkan kehamilan. Kalau tidak mahukan kehamilan terjadi, digunakan kepala kelawar yang dibungkus sebagai tangkal azimat dan diletakkan di bawah kepala. Isim tertentu juga digunakan sebagai azimat agar terpelihara dari keguguran. Tilikan juga digunakan untuk menamakan anak dan pemilihan nama-nama yang serasi. Untuk mengetahui perempuan itu hamil atau tidak juga dilakukan dengan menulis wafaq dan dipakai sebagai azimat selain menggunakan bawang putih yang ducuk benda tajaam sebelum dimasukkan ke dalam faraj waktu malam dan bau mulut esok pagi menentukan hamil atau tidak. Juga untuk mengetahui jantina anak boleh digunakan seorang tuma atau kutu ke dalam sedikit susu tetek.

#### 11) Kanak-Kanak

Hal berkaitan dengan masalah kanak-kanak juga diterangkan seperti masalah terkena mata, membesarkan tubuh, selalu muak, tidak sedap badan, sawan, menyusu, merungsing atau merengek,. Sebahagian besar kaedah yang digunakan untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan menggunakan tangkal azimat dan menulis wafaq dan kadangkala disertai dengan petikat ayat al-Quran.

#### 12)Asmara (kasih-cinta)

Bab ini kalau disalahgunakan akan membawa musibah dan keburukan baik kepada yang dituju mahupun kepada pengamalnya. Antara kaedah yang diajar ialah pencair hati, menggunakan ayat tertentu untuk mendapatkan kasih sayang segenap manusia samada yang dikenali mahupun tidak. Juga ros asmara, menggunakan kuntuk bunga ros dengan dibacakan ayat tertentu sebelum dihadiahkan kepada sesiapa yang dikehenaknya, lalu tercium, nescaya akan terbit ingatan dan asmara yang hebat. Untuk memuja seseorang, maka dipuja semangatnya dengan bacaan tertentu dengan syarat sudah ada hubungan sebelum itu. Yang paling membahaya ialah serbuk ma`sariat iaitu menggunakan kuku yang dipotong dan dibakar hangus lalu dijadikan serbuk, kemudian dicampur dlama minuman atau makanan, diberi kepada sesiapa yang menaruh ingatan asmara, kalau termakan atau terminum saja terus teringat dan datang asmara.

#### 13)Ghara'ib dan pengantin

Untuk mengetahui kesesuaian seseorang gadis itu djadikan jodoh, maka terdapat petua iaitu bacaan fatihah dan selawat dengan mengunaka garisan atas kertas dengan kaedah tertentu. Kalau seseorang cuba meminang atas pinangan orang , terdapat ayat yang ditulis dan dijadikan azimat, diikat pada lengan kanan kedua-dua bakan pengantin agar tidak dikacau ganggu. Sekiranya seorang perempuan enggan bersama suami setelah diaqadkan, ditulis ayat tertentu 7kali atas pinggan putih, dihapus dengan manisan lebah dan diberi minum selama 7 hari, nescaya akan mendatangi suaminya.

#### 14)Hantu Syaitan

Penulis mendedahkan amalan tetentu untuk mengatasi masalah dirasuk jin syaitan, perembas (tempat keras yang diduduki jin), melalui berpenunggu, menyekat jin,

mengelak teguran dan usaha pendinding dengan ayat al-Quran. Sebahagian besar diajar menggunakan tangkal azimat walaupun ayat al-Quran diselit di sana sini.

#### 15) Perkara Otak

Ini Berkaitan masalah yang melibatkan otak atau mental. Kalau mudah lupa, diajar ayat tertentu termasuk zikir Nabi Khidir untuk dijadikan amalan agar tidak mudah lupa. Kalau seseorang itu bodoh, disaran baca ayat tertentu sebanyak 16 kali. Bagi penawar gila pula ditulis isim pada pinggan putih dan dihapuskan dengan air sebelum diberi minum. Penulis juga mengajar menyediakan tangkal gila yang perlu ditulis pada sekeping kayu (diambil dari pengusung mayat) lalu disapu minyak bolong dan digantung pada orang gila. Untuk penerang hati dan memudahkan hafalan, digunakan kemenyan putih yang ditumbuk halus dan dicampur gula pasir, kemudian dimakan 1 camca setiap pagi, selain menggunakan azimat tertentu. Bagi yang anti tidur pula (tidak mahu tidur kerana nak berjaga malam) atau sebab tertentu, disaran baca doa tertentu dari ayat al-Quran dan disapu ke muka ketika mengantuk iaitu *Inna Rabbakumu Allah al-ladhi khalaqa al-samaawaat wal ard fi sittati ayyam thummastawa ala-arsy* hingga minanl muhsinin.

#### 16) Tanaman

Terdapat beberapa kaedah untuk mengelak tanaman dari musuh seperti tikus, burung, haiwan perosak dan sebagainya dengan bacaan ayat al-Quran dan bahan tertentu seperti daun tembakau kering, juga disediakan tangkal padi, kaedah memelihara kebun dan mengelak musuh buah-buahan. Sebahagian kaedah dengan menggunakan tangkal iaitu isim yang dimasukkan dalam botol merah lalu ditanam di empat penjuru di samping membakar belerang.

#### 17) Ternakan

Terdapat kaedah menjinakkan ternakan buas termasuk yang liar dengan menulis ayat tertentu pada makanan dan diberi makan kepada haiwan terbabit yang akhirnya akan tunduk kepada kemahuan manusia. Bagi ternakan yang terkena penyakit sampar atau penyakit ayam, perlu dibersihkan reban dan diperasapkan, kemudian ambil beberapa ulas bawang merah, kunyit, jintan hitam, garam, udang dan ditukbuk kesemuanya serta

digaul dengan padi atau beras lalu diberi makan ayam tadi. Kaedah lain guna kayu keranda simati untuk buat kurungan ayam dan boleh juga bela kera kerana kutu amat takutkan kera. Untuk memanggil ikan, mata kail yang sudah berumpan perlu dibaca ayat al-Quran tertentu sebelum diturunkan ke air dan pasti akan mendapatkan ikan yang dihajati. Bagaimanapun penulis kitab ini juga menyarankan para nelayan agar memakai azimat tertentu sebelum turun mengapak ikan yang dipanggil azimat nelayan.

#### 18) Rezeki dan Hutang

Terdapat banyak kaedah untuk mendapatkan kekayaan, rezeki yang banyak, pelaris matabenda, melepaskan hutang, menuntut hutang dan sebagainya. Selain penggunaan ayat al-Quran dan doa, solat hajat serta isim tertentu, penulis juga mengajar menyediakan tangkal azimat dan menulis wafaq untuk mencapai tujuan tersebut.

#### 19) Penyakit Tubuh Badan

Antara penyakit yang diterangkan ialah seperti Bengkak-bengkak, Sakit perut, Sembelit, Batuk kering, Batuk tua, Senak medu, Karang, Cacing kerawit, Basal, Sakit gigi, Sakit kepala, Selesema, Semua penyakit, Sakit mata, Benguk, Telinga, Wabak, Susah kencing, Balgham(lendir) dan Penyakit berjangkit seperti taun. Selain penulisan azimat, sebahagian besar penyakit tersebut dirawat dengan menggunakan bahan alami semulajadi seperti asam jawa, kapur, daun sinamaki, halia, jintan manis, gula lebah, buah badam, buah anggur, batang cerita (pokok cerita), , kacang hitam, minyak sapi, gula batu, bawang merah, bawang putih, batang lobak, garam, halia hidup, nenas muda, tawas, cekur, jemuju, kapas, petrol, nila, cuka, kayu sepang, kapur, , minyak lenga, minyak jarak, akar pinang dan lain-lain. Bagi penyakit kulit pula digunakan santan nyior dan akar tuba.

#### 20) Perasaan dan kesusahan

Antara masalah yang diketengahkan ialah takut tanpa bersebab, was-was, takutkan perkara tertentu, darah gemuruh, perisai ancaman dan takut menjadi rendah (pangkat) dan sebagainya. Kebanyakan penyelesaian dengan menggunakan doa-doa tertentu

yang dipetik dari ayat al-Quran. Kesusahan pula terjadi melibatkan rasa dukacita, menolong orang kesusahan, terpecat kerja, melapangkan dan menolak bala.

### 21) Demam

Terdapat beberapa gejala tertentu berkaitan demam seperti merasa dahaga, menuju kura, tak kebah, demam biasa dan demam hangat dan demam kura. Rawatan kebanyakannya dengan menggunakan doa-doa dan bahan-bahan tertentu.

### 22) Bisa Binatang dan Raipan

Tajuk ini mengupas rawatan terkena bias ular, gigitan binatang, liur manusia, gigitan anjing, air kencing, disengat kala jengking dan penggunaan garam dan air. Kalau dipatuk ular, bacalah ayat tersebut dan beri minum mangsa sepuas-puasnya dan kalau digigit binatang liar seperti babi hutan, harimau, buaya dan sebagainya bacalah ayat-ayat tertentu. Dalam hal ini air liur manusia memiliki keajaiban tertentu dan kalau meludah ke dalam mulut haiwan tersebut, maka akan matilah ia. Sekiranya digigit anjing, maka tuamlah di tempat gigitan itu dengan rambut perempuan setelah diupkan dengan mulut beberapa kali atau dibasahkan rambut dengan air. Dalam hal ini air kencing kalau diminum setelah digigit atau disepit binatang bias, ia akan mengurangkan kesakitan dan boleh juga ditulis ayat al-Quran tertentu pada pinggan putih, dibersihkan dengan air dan diberi minum atau dilapkan kalau disengat kala jengking, lipan, jeruan, tebuan, penyengat, dan sebagainya. Ikan yang tersengat seperti sembilang, keli bila disengat hendaklah dikorek tempat sengatan dan keluarkan darah, taruhkan sedikit terusi atau dikikis racun dengan gorisan api ke dalam lubang itu lalu dibakar. Garam dan air juga boleh digunakan kalau tersengat apa-apa saja dengan mengambil sebuku garam kasar dan segelas air, bacakan al-Fatihah 7 kali lalu diberi minum.

### 23) Racun

Untuk penawar bisa terkena racun hendaklah ditulis ayat tertentu dengan za' faran yang terkena bias racun itu dan untuk mematikan racun ditulis di pinggan putih dan basuh dengan air mawwar kemudian diberi minum. Terdapat batu penawar yang diperolehi dalam perut landak atau perut lembu atau kerbau, ianya direndam dan diberi minum.

Untuk mengesan racun, sebelum masuk rumah seseorang atau kedai makan, hendaklah membaca Li ilaa fi Qurasyin sampai habis dan ketika hendak makan dan minum bacalah doa tertentu seperti dalam halaman 103. Sekiranya termakan racun atau santau, cepatlah makan bawang merah mentah sebanyak 3 biji dan untuk perlindungan diri bacalah wal yatalattap wala yusy iranna bikum ahada.

#### 24) Pemungkam

Lazimnya ia dijadikan azimat degnan menulis sebanyak 60 kali ke atas kertas dan untuk menjinakkan binatang buas, simpan isim ini dan sebaik saja sampai ke hutan, insyaAllah terkutup mulut dan terkancing segala binatang buas (hlm. 105). Untuk mengunci mulut haiwan ular dan kala boleh digunakan isim berkat. Sekiranya ada bahaya anjing, ambillah sepotong cuping telinga anjing yang dikerat dan dikeringkan kemudian dijadikan tangkal. Kalau masuk kandang anjing nescaya seekor pun tidak boleh mengangkat muka bahkan tunduk dan takut.

#### 25) Jampi-jampi

Jampi angin dalam perut yang menyenak hendaklah pada air atau air halia untuk minum atau pada minyak untuk mengurut dengan jampi menghindari syaitan – a`uu dhu bi kalimaat Allah al-Tammaat min ghadabihi...dan seterusnya. Jampi luka pula hendaklah dijamah tempat luka kemudian dijampi seperti halaman 109. Begitu juga jampi terkena mata, air tolak bala dengan dibaca 70 kali Fatihah, 3 qul, surah al-Qadr yang setiap satunya 70 kali kemudian diikuti dengan tasbih. Terdapat juga jampi ketika bersetubuh suami isteri agar mendapat kelazatan tidak terhinga. Juga kelebihan surah al-Dhariyat apabila berhadapan dengan orang sakit. Pemantan darah dengan dibaca surah al-Lahab 3 kalai sambal memgang tempat berdarah. Kalau terkena sihir boleh dibaca ayat berikut sebanyak 21 kali selepas maghrib iaitu Ma ji`tum bihissihri....dst. Untuk membuat sirih sembur pula , dijampi isim pada sirih, dikapurkan dengan gambir pinangnya dan ditambah ramuan iaitu 3 hiris jerangau, 3 hiris halia, 3 butir lada putih, 7 butir lada hitam, 7 butir jintam manis, lalu disemburkan dan kalau boleh diberi makan buat sekapur lagi. Doa yang dibaca tidak bercanggah kerana menggunakan selawat dan ayat al-Quran. Jampi selusuh pula dibaca isim pada minyak lenga kemudian pakai

perempuan yang sudah cukup bulan sebagai minyak kepala dan disapu perut dan jampi yang disebut juga tidak bercanggah dengan syariat. Jampi keteguran pula bagi yang mulut celupar, lemah semangat apabila lalu lalang di tempat keras maka hendaklah baca isim tersebut dan disembur pada mangsa teguran (hlm. 111). Begitu juga sjampi sakit kepala dengan yat la-Quran manakala ibu jampi turut disebut dalam kitab ini. Ayat kursi pula kalau dibaca 11 kali dan disapu kepala orang pengsan nescaya akan sedar.

#### 26) Pertahanan dana menolak kejahatan

Penulis mengemukakan cara agar selamat dalam pertempuran dalam alangan perajurit, senjata untuk mengelak seteru, menjaga helah seteru. Laqad jaa akum dst...kalau dibaca tiap-tiap hari 7 kali, insyaAllaha dia tidak akan mati pada hari itu dengan izin Allah dan alai dia dipukul dengan besi atau ditikalm tidak akan memberi bekas dan ini ditegaskan oleh para ulama yang mengijazahkan amalan ini. Untuk menolak kejahatan seperti bencana dunia, hadith marfu` menyebutkan agar dibaca la hawla wala quwwata illa billah al-aliyy al-azim 10 kali tiap pagi dan 10 kali tiap petang dan 10 kali sebelum tidur. Untuk penggerun pula, ditulis 620 kali atas kertas dan disimpan dalam songkok sebagai azimat. Untuk mendapat kemuliaan di mata orang, terdapat amalan membaca ayat al-Quran tertentu (hlm. 115).

#### 27) Sihir dan orang jahat.

Penulis memberi petua untuk membentengkan diri perlu dibaca tiap hari selepas solat maghrib 21 kali iaitu ma ji`tum bihissihri hingga innallah sayubtiluh...`amalal mufsidin. Mengenai ilmu guna atau hikmat orang iaitu sejenis sihir, terdapat amalan yang perlu dilakukan (hlm. 119-120). Untuk memerangkap pencuri pula perlu diperangkap dengan bacaan ayat tertentu (hlm. 120-121). Begitu juga kalau terdapat apa-apa kehilangan terdapat amalan yang boleh dilakukan dan bahananya amat berkesan sampai pencuri akan tertahan kencing dan beraknya, akan lumpuh kakli tangannya sehingga akan dikembalikan barang curian tersebut. Untuk mengfetahui siapakah pencuri, ditulis isim tertentu bersama orang yang disyakki dan ditaruh dalam air. Namun demikian penulis memberi amaran agar jangan selalu menuduh atau manaruh syak kerana akan membawa dosa. Untuk melihat pencuri terdapat beberapa kaedah yang dicadangkan

oleh penulis yang kesemua membawa kekeliruan sebab menggunakan wafaq dan saya tidak bercadang menghuraikannya di sini. Kalau ingin selamat dalam perjalanan, belayar, angina nafas dan selamat pergi dan balik, sebelum meangkah keluar hendaklah bacva doa-doa tertentu seperti dimuolakan dengan selepas bismillah...tawakkaltu alallah...dst. Begitu juga ad petua kalau pergi memining agar dapat disempurnakan tujuan engan baik. Penulis memberi pesanan kepada musafir dengan amalan tertentu khususnya bekalan jiwa dan perkara sulit seperti memulakan dengan bacaan ayat kursi dan sebagainya. Juga diberi jadual buruk baik ilmu melangkah, peringatana penting, tuah dan sial, juga mimpi yang boleh ditafsirkan menerusi amalan tertentu.

Penulis kitab ini menyudahi tulisannya dengan bacaan Jibril atau dikenali sebagai ruqyah Jibril iaitu hadith sahih yang menyebut Jibril mendatangi Rasulullah saw lalu membacakan doa atau isim Allah yang dikenali juga sebagai bismillah enam. Jibril menceritakan barangsiala mengamalkan isim Allah ini tidak ada satu-satu hajat melaiankan maqbul cita-citanya sampai, rezekinya luas, terselamat dari ancaman, terhindar dari hantu syaitan, aman dari binatang buas, menawarkan air masin dan melihar benda ghaib dan ajaib lagi ghara'ib. Wallah a`lam.

## **Penutup**

Kitab yang dinamakan pusaka Dunia Hikmat ini dilampirkan sijil ijazah yang dikemukakan oleh penulis bernombor 786 daripada gurunya dan beliau sudi mengijazahkan kepada mereka yang mempunyai kitab ini dan suka mengamalkan petua-petua di dalamnya. Kitab yang mengandungi 265 fasal dalam 155 halaman ini disusun oleh Ali Dhul Faqar dan yang menjadi rujukan analisis saya ialah cetakan keempat pada 2 Safar 1381 bersamaan 15 Julai 1961 oleh penerbit Sheikh Sulaiman Bakar, 83 Ichin Street Pulau Pinang, Malaya.

Saya percaya kitab ini ditulis jauh lebih awal dari itu berdasarkan gaya penulisan, laras Bahasa, penggunaan kalimah klasik dan sebagainya. Kitab ini diserahkan oleh pewaris

kitab ini (memperolehi kitab ini pada 12 Disember 1977 jam 2.00 petang) kepada saya beberapa tahun lepas setelah beliau tidak mampu menanggung beban menyimpan kitab ini atas sebab-sebab yang tidak perlu saya ceritakan. Saya mengambil masa kira-kira 4 tahun untuk mengeluarkan isi kandungan kitab ini untuk laporan analisis dan banyak cabaran yang saya hadapi. Moga-moga ianya memberi sedikit sebanyak manfaat kepada orang awam. Apa yang dibentang bukannya kesemua yang terkandung dalam kitab ini tidaklah semua hal yang eisebut boleh diamalkan oleh sesiapa saja. Justeru itu ada topik yang saya tidak menceritakan secara detail atas sebab-sebab tertentu. Pembentangan Ini sekadar pendedahan betapa terdapat banyak khazanah ilmu pengetahuan dalam warisan pengubatan Melayu-Islam yang belum diselongkar dan terdedah kepada umum.

SEKIAN

---